

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penggubalan Akta Kebebasan Maklumat seperti berikut:-

- (a) Jangka masa untuk membentangkan Rang Undang-Undang ini sama ada Kerajaan akan memansuhkan Akta Rahsia Rasmi 1972 semasa penggubalan RUU tersebut; dan
- (b) Rancangan Kerajaan untuk memastikan Akta Rahsia Rasmi 1972 diselaras dengan Akta Kebebasan Maklumat sekiranya ia tidak akan dimansuhkan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan pada 11 Julai 2018 untuk Akta Kebebasan Maklumat digubal di peringkat Persekutuan adalah bertujuan untuk memastikan akses masyarakat kepada maklumat sahih secara lebih terbuka dan telus. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan cadangan penggubalan Akta ini dilaksanakan melalui sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan termasuk badan bukan kerajaan dan orang awam.

Berdasarkan sesi libat urus yang telah dilaksanakan bermula 2019 hingga kini, suatu kertas dasar berkaitan cadangan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat ini dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada Disember 2021. Kertas dasar ini antara lain akan mengandungi analisa dapatan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dan kajian perbandingan dengan kerangka perundangan negara luar bagi menggariskan ketetapan dasar berkaitan cadangan penggubalan Akta ini termasuk kelangsungan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Pertimbangan mengenai perkara ini harus mengambil kira implikasi kepada negara khususnya yang melibatkan keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa sekiranya Akta 88 dimansuhkan. Pada masa yang sama, pertimbangan juga boleh dibuat untuk memastikan penyelarasan cadangan peruntukan-peruntukan Akta Kebebasan Maklumat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 terus berkuat kuasa. Dalam hal ini, semakan dan kajian lanjut sedang dilaksanakan Jabatan bertanggungjawab untuk meminda peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi membolehkannya disesuaikan dengan keadaan semasa.

Sekian, terima kasih.